

**NO. SOALAN: 523**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG**

**RUJUKAN : 9471**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Bukit Aman akan mengaturkan pegawai dari Ibu Pejabat untuk menangani masalah aktiviti perjudian haram yang beroperasi di rumah kedai dan kawasan perumahan yang semakin berleluasa terutama di negeri Sarawak**

## JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM), sentiasa berusaha keras untuk membanteras sebarang bentuk aktiviti perjudian haram dalam negara sehingga ke akar umbi. Walaupun operasi bagi melumpuhkan kegiatan perjudian dilakukan secara besar-besaran dan berterusan namun aktiviti perjudian haram ini dilihat terus aktif disebabkan keuntungan yang diperolehi amat besar dan mudah yang mendorong sindiket-sindiket perjudian menggunakan pelbagai *Modus Operandi* untuk terus beroperasi dan mengelirukan Pihak Berkuasa dan mencari pelanggan baharu.

Pucuk pimpinan PDRM juga telah mengeluarkan arahan tegas berhubung pembanterasan kegiatan mesin perjudian berkomputer ini melibatkan semua peringkat pegawai termasuk semua Ketua Polis Daerah hingga ke peringkat Ketua Polis Balai di seluruh negara. Pasukan khas PDRM iaitu *Special Task Force for Anti Vice, Gambling and Gangsterism (STAGG)* di Bukit Aman akan turun membantu pihak Kontinjen dan Daerah Polis di seluruh negara termasuk Kontinjen Sarawak dari semasa ke semasa berdasarkan maklumat risikan yang diperolehi .